

BH (Varsiti) Amur 9/12/10 ml11



PELAJAR Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian UMP sedang meneliti kerja beberapa produk yang mereka lakukan bersama.

## Tujuh pelajar UMP tubuh syarikat animasi, permainan video

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahid  
[blhvarsiti@bharian.com.my](mailto:blhvarsiti@bharian.com.my)

**S**EKUMPULAN pelajar Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) menubuhkan Media Lab Studio (MLE) dalam usahanya meneroka industri animasi dan permainan video komputer.

Syarikat diterajui tujuh pelajar program ijazah dan diploma berumur awal 20-an iaitu Muhammad Muhaimin Juhari, Azmi Mohamad Ariff, Mohd Huzairi Saidin, Muhammad Yalah, Emma Sofia Zulkefli, Suryanizam Sabturan dan Nazar Syafiq Nazri.

Pengarah Urusan MLE, Muhaimin, berkata selain modal RM3,000, mereka mengikuti

Latihan Keusahawanan Siswa dan Kursus Asas Keusahawanan Siswa anjuran Unit Keusahawanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UMP.

"Idea penubuhan bermula apabila menyedari minat mendalam dalam menghasilkan animasi terutama permainan video komputer dan ini membolehkan kami mengaplikasi pengetahuan berkenaan.

"MLE mula beroperasi 11 Mac tahun lalu di Kolej Kediaman Empat UMP dengan menawarkan pembangunan permainan video komputer, animasi 2D, sistem sesawang, aplikasi multimedia dan perkhidmatan perundingan pengiklanan digital," katanya.

Muhaimin berkata, inisiatif mereka mendapat sokongan

apabila MLE diberi peluang menjayakan beberapa projek multimedia. Antaranya persembahan multimedia majlis rasmi universiti iaitu *Cendekia Bitara* selain memberikan latihan perisian multimedia kepada pelajar sekolah di Kuantan.

"MLE pernah memenangi tempat kedua pertandingan Pelan Perniagaan Institusi Pengajian Tinggi-MSC Malaysia dan menerima wang tunai RM3,000.

"Terbaru, MLE meraih RM2,500 apabila memenangi tempat ketiga pertandingan *Malaysia Imagine Cup 2010* anjuran *Microsoft Corporation* menerusi projek permainan video seakan Mario atau Rockman, Eco-Bumi yang memberi input positif kepentingan penjagaan alam sekitar," katanya.